

# Ikut nasihat Majlis Fatwa, jangan salahkan polis jika ditahan

UMAT Islam sama ada yang menyokong perhimpunan haram Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) pada 9 Julai ini atau yang menyokong kumpulan yang membantah Bersih, dinasihatkan tidak menyertai perhimpunan itu.

Elok mereka memahami apa yang dikatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin bahawa yang baik itu jangan kita rosakkan, yang berpadu, jangan kita pecahkan kerana ia adalah satu dosa besar.

Oleh itu perhimpunan haram Bersih pada Sabtu minggu hadapan patut dibatalkan. Apatah lagi turun beramai-ramai ke jalan raya bukan cara dan amalan demokrasi di negara kita.

Jika kumpulan itu masih berdegil, pihak berkuasa diminta jangan beri muka lagi kepada golongan tersebut.

Keangkuhan penganjur Bersih untuk terus mengadakan himpunan haram itu selepas dipanggil oleh polis menunjukkan mereka mahu mencabar pihak berkuasa dan enggan menghormati undang-undang negara.

Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar kelmarin mengingatkan pemimpin-pemimpin penganjur perhimpunan haram supaya tidak mencabar polis.

Polis sudah memberi amaran keras, jangan ada pihak yang cuba membuat huru-hara. Jangan cabar pihak berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas mereka.

Ini kerana kesan perbuatan mereka akan menyusahkan kehidupan rakyat yang cintakan kedamaian, malah menjejaskan keyakinan pelabur dan pelancong terhadap kestabilan dan keselamatan negara ini.

Taktik dan budaya politik kumpulan ini mesti disekat. Bukan sahaja Ketua Polis Negara menggesa perhimpunan haram Bersih itu dibatalkan, malah rakyat daripada

pelbagai peringkat juga tidak bersetuju dengan tindakan 'pengacau' itu.

Oleh itu, kerajaan melalui pasukan keselamatan perlu lebih bertegas. Polis usah takut dan gentar untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang masih berdegil, enggan dengar nasihat dan arahan.

Majoriti rakyat akan sokong jika polis terpaksa menggunakan apa jua peruntukan undang-undang yang ada untuk menghalang perhimpunan haram tersebut daripada diadakan.

Rakyat yang lain juga mempunyai hak untuk hidup dalam negara yang aman dan selesa, bukannya diganggu dengan perhimpunan haram yang hanya menyusahkan mereka.

Sebenarnya banyak pihak sudah membuat laporan polis untuk menyuarakan rasa gusar dan bimbang dengan perkembangan dalam negara menjelang 9 Julai ini.

Kini rakyat mahukan tindakan tegas pihak polis dengan memberi mesej yang jelas kepada

mana-mana pertubuhan yang ingin mengadakan perhimpunan pada masa akan datang.

Penganjur perhimpunan haram jangan hanya berasa bangga apabila dapat mengumpulkan puluhan ribu penyokong untuk menyertai perhimpunan mereka tanpa memikirkan kesan buruk perbuatan dan tindakan mereka.

Belajarlah daripada peristiwa lalu. Apabila ada perhimpunan haram maka akan ada pihak ditahan pihak berkuasa, jalan raya ditutup dan berlaku kesesakan lalu lintas dan aktiviti-aktiviti perniagaan kawasan berhampiran terjejas teruk.

Kepada para penganjur dan penyokong mana-mana pihak penganjur perhimpunan haram 9 Julai ini, jika anda masih mahu terlibat maka bersedia untuk menerima apa jua akibat atas perbuatan kamu sendiri.

Kerajaan telah berulang kali memberi peringatan dan jangan salahkan polis jika mereka ditahan dan didakwa di muka pengadilan.

➤ **RENUNGAN** *DAN katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut antara mereka (Yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia. - Surah al-Israa' ayat 53*